



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

KHAMIS, 11 JANUARI 2024

LAPORAN HARIAN





KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
1	JANGAN RENDAHKAN MARTABAT WANITA	
	https://suarasarawak.my/jangan-rendahkan-martabat-wanita/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.buzzkini.com/news/2024/01/10/saranan-rosyam-nor-ibarat-merendahkan-martabat-wanita-nancy-shukri/	BUZZKINI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/10/saranan-rosyam-nor-merendahkan-martabat-wanita-menteri/	KOSMO.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/10/cadangan-rosyam-rendahkan-martabat-wanita-nancy/	MALAYSIGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
2	FATIMAH: AID WILL BE GIVEN TO FAMILY OF BOY WHO DIED IN FIRE AT MILE 7 COMMERCIAL CENTRE	
	https://www.theborneopost.com/2024/01/10/fatimah-aid-will-be-given-to-family-of-boy-who-died-in-fire-at-mile-7-commercial-centre/	THEBORNEOPOST.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/10/kebakaran-rumah-kedai-kota-sentosa-jkm-salur-bantuan-bencana-psikologi-kepada-mangsa-fatimah/	TVSARAWAK.MY
	https://www.newsarawaktribune.com.my/fatimahs-ministry-to-give-assistance-to-fire-victims/	NEWSARAWAKTRIBUNE.COM.MY
	https://suarasarawak.my/jkm-akan-bantu-mangsa-kebakaran-di-batu-7/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/jkm-menilai-bentuk-bantuan-boleh-disalur-kepada-mangsa-kebakaran-di-kota-sentosa	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	SEKOLAH BERASRAMA PENUH PENTING BAGI ATASI KECICIRAN PELAJAR LUAR BANDAR	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/sekolah-berasrama-penuh-penting-bagi-atasi-keciciran-pelajar-luar-bandar	UTUSANBORNEO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
4	PERALAT WANITA SELESAIKAN MASALAH SOSIAL DIKECAM SRIKANDI Keadilan	
	https://www.suarakeadilan.my/post/peralat-wanita-selesaikan-masalah-sosial-dikecam-srikandi-keadilan	SUARAKEADILAN.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
5	KELUARGA MURID MANGSA GANGGUAN SEKSUAL KESAL SUSPEK BELUM DITUDUH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/keluarga-murid-mangsa-gangguan-seksual-kesal-suspek-belum-dituduh/	UTUSAN.COM.MY
	https://majoriti.com.my/berita/2024/01/10/ibu-kecewa-dakwa-guru-cabul-anak-masih-mengajar-tanpa-dikenakan-tindakan-undang-undang	MAJORITI.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/10/keluarga-kesal-pelaku-seksual-anak-belum-dituduh/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	TASKA BELUM DAFTAR DIGESA DAFTAR DENGAN JKM	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/taska-belum-daftar-digesa-daftar-dengan-jkm	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/videos/politik-x7sio1/39-taska-dan-pusat-jagaan-kanakkanak-beroperasi-secara-haram-x8rbxqd	ASTROAWANI.COM
	https://www.tvsarawak.my/2024/01/10/39-pusat-jagaan-kanak-kanak-di-kuching-masih-belum-berdaftar-rosey/	TVSARAWAK.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=vZSk0W8Z3fA	YOUTUBE



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
7	KOTA TINGGI MASIH MENJADI DAERAH PALING TERUK TERJEJAS	
	https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/kota-tinggi-masih-menjadi-daerah-paling-teruk-terjejas-x8rbla2	ASTROAWANI.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=32owt6df9Co	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
8	VIDEO SOROTAN PROGRAM JERAYAWARA KASIH KPWK@ADVOKASI ANTIGANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.youtube.com/watch?v=JMPsyTOURHI	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
9	VIDEO PENDAPAT ORANG RAMAI MENGENAI ISU GANGGUAN SEKSUAL	
	https://www.youtube.com/watch?v=9WMOD16KXgs	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
10	SEDUTAN VIDEO TEMU BUAL SELAMAT PAGI MALAYSIA BERSAMA YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI	
	https://www.youtube.com/watch?v=IJ78vPKo6Sc	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
11	WANITA MCA BIMBANG JENAYAH SEKSUAL TERHADAP KANAK-KANAK MENINGKAT	
	https://www.malaysiakini.com/news/692778	MALAYSIAKINI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
12	SUAMI ISTERI CEMAS BAYI TERKUNCI DALAM RUMAH	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/suami-isteri-cemas-bayi-terkunci-dalam-rumah	UTUSANBORNEO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
13	CABUL ANAK SAUDARA, LELAKI DITAHAN POLIS	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2024/01/1198563/cabul-anak-saudara-lelaki-ditahan-polis	BHARIAN.COM.MY
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/lelaki-ditahan-cabul-anak-saudara	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049124/lelaki-ditahan-cabul-anak-saudara	HMETRO.COM.MY
	https://www.sabahpost.net/2024/01/10/lelaki-cabul-anak-saudara-ditahan/	SABAHPOST.NET

BIL	PERKARA	SUMBER
14	PEMANDU BAS CABUL 2 BERADIK DIHANTAR PENJARA, GAGAL BAYAR IKAT JAMIN	
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049152/pemandu-bas-cabul-2-beradik-dihantar-penjara-gagal-bayar-ikat-jamin	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
15	PENGHANTAR MAKANAN MENGAKU TIDAK BERSALAH CABUL REMAJA DALAM KERETA	
	https://www.buletintv3.my/mahkamah/penghantar-makanan-mengaku-tidak-bersalah-cabul-remaja-dalam-kereta/	BULETINTV3.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/01/1049075/rider-tak-mengaku-cabul-remaja-dalam-kereta	HMETRO.COM.MY



UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my


[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

11/1/2024

BIL	PERKARA	SUMBER
16	PENGAWAL KESELAMATAN CABUL, ROGOL DUA ANAK TIRI SEJAK DI SEKOLAH RENDAH	
	https://www.buletintv3.my/jenayah/pengawal-keselamatan-cabul-rogol-dua-anak-tiri-sejak-di-sekolah-rendah/	BULETINTV3.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/polis-tahan-lelaki-rogol-anak-tiri-sejak-darjah-empat-453445	ASTROAWANI.COM
	https://www.kosmo.com.my/2024/01/10/isteri-keluar-cari-rezeki-suami-rogol-dua-anak-di-rumah/	KOSMO.COM.MY
	https://www.sinarharian.com.my/article/643665/berita/semasa/pengawal-keselamatan-direman-tujuh-hari-rogol-dua-anak-tiri	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/lelaki-ditahan-rogol-dua-anak-tiri/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.edisi9.com.my/2024/01/rogol-dua-anak-tiri-pengawal-keselamatan-direman-tujuh-hari/	EDISI9.COM.MY
	https://malaysiagazette.com/2024/01/10/isteri-berniaga-burger-suami-ratah-dua-anak-di-rumah/	MALAYSIAGAZETTE.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
17	REMAJA MENGAKU ROGOL KEKASIH BERUSIA 12 TAHUN KETAHUI NASIB PADA 8 FEBRUARI	
	https://www.utusanborneo.com.my/2024/01/10/remaja-mengaku-rogol-kekasih-berusia-12-tahun-ketahui-nasib-pada-8-februari	UTUSANBORNEO.COM.MY
	https://suarasarawak.my/remaja-mengaku-salah-rogol-kekasih-umur-12-tahun-di-bawah-tangga/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=GhehCOZBbkE	YOUTUBE

BIL	PERKARA	SUMBER
18	BURUH ROGOL ANAK TIRI DIPENJARA, SEBAT	
	https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/buruh-rogol-anak-tiri-dipenjara-sebat-2/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=X2URsxSu4Vk	YOUTUBE



Jangan rendahkan martabat wanita



Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

KUALA LUMPUR: Mana-mana syor yang meletakkan wanita umpama 'alat' untuk menyelesaikan masalah sosial dilihat sebagai merendahkan martabat wanita, tegas Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri.

"Cadangan ataupun gurauan yang tidak sensitif terhadap wanita tidak boleh dijadikan normalisasi, apatah lagi ia bercanggah daripada pelbagai sudut, sama ada dari sudut undang-undang, nilai kekeluargaan, budaya dan agama," katanya dalam kenyataan semalam, merujuk kepada satu kenyataan dalam siaran audio siar (podcast) seorang pelakon popular tempatan.

Pelakon terkenal tanah air Datuk Rosyam Nor menerusi audio siar Hitam Putih Kehidupan yang dimuat naik ke TikTok Suhan Channel berkata, pusat pelacuran perlu ada untuk 'kemudahan' warga asing lelaki yang kebanyakannya meninggalkan isteri di negara mereka.

Nancy berkata, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mengambil pendekatan sifar toleransi terhadap sebarang bentuk keganasan terhadap wanita sama ada secara fizikal, seksual, emosi, mahupun psikologi dan pendirian itu didukung penuh oleh kerajaan dan disokong merentasi kementerian.

KPWKM sentiasa fokus kepada usaha memperkasa wanita dan mengarusperdanakan gender di samping menyediakan ekosistem terbaik dan persekitaran yang kondusif bagi membolehkan wanita mempunyai peluang yang adil sama seperti peluang yang dimiliki oleh golongan lelaki, katanya.

"Saya percaya rakyat Malaysia ialah rakyat berilmu dan bertamadun, kita perlu bertindak dengan lebih baik dan bijak pada masa hadapan terutamanya untuk menonjolkan contoh terpuji kepada generasi akan datang," katanya. - **Bernama**



| Fatimah: Aid will be given to family of boy who died in fire at Mile 7 commercial centre

BY SAMUEL AUBREY ON JANUARY 10, 2024, WEDNESDAY AT 12:37 PM

SARAWAK



Fatimah said the Welfare Department is currently assessing the assistance that can be channelled to the family. – File photo

KUCHING (Jan 10): Assistance will be rendered to the family of the differently abled boy who perished in yesterday's tragic fire at Mile 7 commercial centre here, said Women, Early Childhood and Community Wellbeing Minister Dato Sri Fatimah Abdullah.

In a statement today, she said the Department of Social Welfare (JKM) is currently assessing the assistance that can be channelled to the family.

She also disclosed JKM counselors will provide the family with crisis intervention and psychological support.

"We hope that this comprehensive assistance will help the family in coping with the sorrow resulting from the tragic incident.

"JKM is committed to extending not only immediate relief but also psychological support to help the family go through this very difficult times," she said, adding the Ministry extends their heartfelt condolences to the bereaved family.

Yesterday, a fire that engulfed six shophouse units at Mile 7 commercial centre killed a 12-year-old boy, who was classified as a person with disabilities.

According to Bomba Sarawak Operations Division assistant director Hendri Ardiansyah, the victim had mobility impairments.

Sekolah berasrama penuh penting bagi atasi keciciran pelajar luar bandar

© 2024-01-10T17:46:37+08:00



Fatimah (tengah) bergambar beramai-ramai bersama pemenang kategori sekolah rendah.

MUKAH: Sekolah berasrama penuh memainkan peranan penting dalam mengurangkan bilangan kanak-kanak yang tercicir dalam pelajaran terutama mereka yang berasal dari luar bandar.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, melalui sekolah berasrama penuh anak-anak kecil ini mampu melanjutkan pelajaran melalui kemudahan asrama yang sangat kondusif, sekali gus membolehkan mereka menumpukan perhatian kepada pelajaran.

"Nilai tanggungjawab yang baik diterapkan di sekolah berasrama penuh menjadi perisai kepada mereka, agar mempunyai asas yang kukuh, lebih tabah dan berdikari pada usia muda serta menjadi modal insan yang lengkap dari segi fizikal, mental dan emosi," ujarnya ketika merasmikan Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Asrama Terbilang, Keceriaan Asrama Peringkat Sekolah-Sekolah Asrama Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Dalat 2023 di Kompleks Kebajikan Dalat, hari ini.

Fatimah berkata, tanpa sekolah berasrama penuh ramai anak-anak kecil akan tercicir dalam pelajaran kerana pelbagai faktor seperti bebanan kewangan, pengangkutan, jarak dari rumah termasuk keselamatan terutama yang bergantung kepada pengangkutan sungai.

Menurutnya, Jabatan Pendidikan Sarawak menerima peruntukan yang besar daripada kerajaan persekutuan setiap tahun kerana Sarawak mempunyai bilangan sekolah berasrama penuh paling banyak.

Justeru katanya, setiap kanak-kanak mempunyai hak untuk mendapatkan pendidikan yang lebih baik meskipun terpaksa berpisah dengan ibu bapa pada usia tujuh tahun dan tinggal di asrama menyediakan banyak peluang untuk membolehkan mereka menjadi lebih berdisiplin dan berdikari.

"Demi masa depan mereka, sekolah berasrama disediakan bagi memastikan mereka meneruskan pendidikan, ia masih diperlukan sekarang dan untuk tahun-tahun akan datang," katanya.

Menurutnya lagi, sekolah berasrama menjadi pilihan ibu bapa kerana anak-anak sudah terbiasa dengan rutin belajar.

"Ada rutin yang perlu mereka ikuti, ada penyesuaian yang menjadikan mereka pelajar yang berdisiplin," katanya.

Sehubungan itu, Fatimah mengucapkan tahniah kepada PPD Dalat kerana mengambil inisiatif menganjurkan pertandingan itu yang menjadikannya satu-satunya PPD di Sarawak yang berbuat demikian.


Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Batang Igan muncul juara pertandingan bagi kategori sekolah menengah, diikuti tempat kedua dan ketiga masing-masing disandang oleh SMK Agama Igan dan SMK Dalat, manakala hadiah sagu hati diraih oleh SMK Oya.

Bagi kategori sekolah rendah, Sekolah Kebangsaan (SK) Kampung Klid/Plajau mendapat tempat pertama, diikuti SK Kampung Bungan kedua dan SK Saint Luke, ketiga.

Hadiah sagu hati pula menjadi milik SK Saint Kevin, SJKC San San, SJKC Poi Yuk, SK Sungai Rasau, SK Baoh Ulu dan SK Datuk Pengiran Mohamad.

👤 oleh Yunus Yussop

📁 Category Sarawak



Peralat wanita selesaikan masalah sosial dikecam Srikandi KEADILAN



Srikandi KEADILAN mengecam pendapat seorang selebriti terkenal yang mengesyorkan agar pusat pelacuran dibenarkan buat warga asing bagi mengelak jenayah seksual dilakukan oleh mereka.

Bagi Setiausaha Srikandi KEADILAN Pusat, Nurhanani Dhamirah, kenyataan seperti itu tidak sesuai sama sekali dengan naratif Kerajaan Madani dalam membina ketamadunan dan bertentangan dengan agama Islam serta merendahkan martabat wanita.

"Kami menjunjung nilai Malaysia Madani yang menekankan tinggi nilai ketamadunan manusiawi dan mengangkat martabat wanita sejajar dengan nilai Islam.

"Kenyataan tersebut seolah olah meletakkan wanita sebagai 'alat' dalam menyelesaikan masalah sosial sekaligus membuka mata kita bahawa masih wujud segelintir masyarakat yang menganggap wanita ini hanya berfungsi sebagai alat pelampias nafsu semata-mata," katanya dalam kenyataan.

Nurhanani menyifatkan kenyataan selebriti tersebut mundur ke belakang dalam suasana kerajaan berusaha keras untuk meningkatkan martabat wanita melalui pendidikan dan kerjaya.

"Pemikiran seperti ini adalah pemikiran kolot yang bersifat terkebelakang. Srikandi Keadilan menyokong penuh usaha kerajaan Madani dalam memartabatkan serta mengangkat nilai wanita.

"Seperti kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat tempoh hari, kami percaya dengan usaha giat yang sedang dilakukan oleh pihak berkenaan dalam mengurusperdanakan gender melalui pelbagai program memperkasakan wanita.

"Malaysia sedang menuju ke arah sebuah negara maju, maka sewajarnya pemikiran masyarakat juga harus selari dengan kemajuan tersebut.


"Cadangan, kenyataan mahupun gurauan yang menyentuh sensitiviti terhadap wanita tidak boleh dinormalisasikan. Terutamanya apabila perkara tersebut jelas bercanggah dari pelbagai aspek termasuk undang undang, prinsip, budaya dan agama," katanya.

Beliau berharap kejadian seperti itu tidak lagi berulang dan membuka mata masyarakat agar lebih sensitif dalam mengeluarkan sebarang kenyataan yang boleh mendatangkan kekusaran awam.

Kelmarin, selebriti terkenal Datuk Rosyam Nor menerusi podcast atau audio siar, Hitam Putih Kehidupan yang dimuat naik ke TikTok Suhan Channel menyatakan pusat pelacuran perlu ada untuk 'kemudahan' warga asing lelaki yang kebanyakannya meninggalkan isteri di negara mereka.

Katanya, ketiadaan pusat seumpama itu boleh membawa kepada risiko jenayah seperti kes rogol dan sebagainya.

Bagaimanapun semalam, Rosyam meminta maaf di atas kenyataan itu dan menyifatkannya sebagai pandangan peribadi dalam rancangan perbincangan bersifat santai berkenaan.



Keluarga murid mangsa gangguan seksual kesal suspek belum dituduh



SEORANG murid perempuan dekat sebuah sekolah menengah berasrama penuh didakwa mengalami gangguan seksual daripada gurunya yang dipercayai juga seorang jurulatih hoki di Sabak Bernam, Selangor. - UTUSAN / SADDAM YUSOFF / GAMBAR HIASAN

KUALA SELANGOR: Keluarga kepada seorang murid perempuan menjadi mangsa gangguan seksual dekat sebuah sekolah berasrama penuh di Sabak Bernam kesal apabila mendakwa suspek yang melakukan perbuatan tersebut masih belum dituduh.

Siasatan kes tersebut didakwa berlari tanpa perkembangan sejak laporan polis dibuat pada 2022, namun tiada tanda-tanda suspek yang dipercayai seorang guru dan jurulatih pasukan hoki di sekolah terbabit.

Salah seorang abang kepada mangsa yang enggan identitinya didedahkan berkata dia dan ahli keluarga lain termasuk ibunya merasakan kes tersebut seolah-olah cuba didiamkan bagi menjaga nama baik sekolah berkenaan dan pentadbirnya ketika itu yang berstatus 'Pengetua Cemerlang'.

Menurutnya, laporan polis pertama dibuat di Balai Polis Kuala Selangor pada 2021, namun ditolak pegawai berkenaan yang mengatakan dia tidak mempunyai bukti bagi menuduh guru yang melakukan gangguan seksual terhadap satu-satunya adik perempuannya itu.

"Saya dan keluarga buntu selepas anggota polis berkenaan berkata demikian, kemudian saya rujuk kepada peguam untuk mendapatkan nasihat sebelum diarah membuat laporan polis sekali lagi di Balai Polis Dang Wangi pada Mac 2022.

"Selepas laporan polis tersebut dibuat, seorang pegawai penyiasat dari Balai Polis Sungai Air Tawar mengambil kes berkenaan, namun sehingga kini tiada perkembangan suspek akan dituduh walaupun sudah mempunyai bukti yang kukuh," katanya ketika ditemui, hari ini.

Dalam pada itu, ibu mangsa yang juga enggan identitinya diketahui umum memberitahu, sehingga kini anaknya terpaksa berdepan dengan perasaan trauma yang pastinya mengganggu persediaannya untuk menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun ini.

Malah, menurutnya, akibat tindakan tersebut dia mengalami kemurungan dan didakwa pernah menyatakan hasrat untuk terjun bangunan seperti diberitahu oleh rakan-rakannya di asrama sekolah berkenaan.

"Anak saya ketika itu berada di tingkatan tiga dan menjadi kapten pasukan hoki di sekolah kononnya berprestasi tinggi. Dia kerap bertemu dengan jurulatihnya yang juga merupakan guru Bahasa Melayu.

"Kemudian, anak saya diarahkan mengambil gambar dengan aksi tidak sepatutnya kononnya untuk tujuan kegunaan dalam sukan hoki, lebih pelik pelbagai aksi diarahkan guru terbabit. Kejadian sedemikian bukan sekali, tetapi jadi lebih tiga kali sehingga anak saya trauma," tegasnya.

Sementara itu, peguam yang mewakili keluarga mangsa, Faizal Rahman memberitahu, pihaknya sudah pun menghantar surat kepada Kementerian Dalam Negeri, Pendidikan serta Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, namun hanya satu maklum balas diterima.

"Saya sudah pun memfailkan saman sivil di Mahkamah Tinggi pada 16 November 2022 sebelum diarah diteruskan di Mahkamah Sesyen. Pihak kami akan membuat permohonan agar kes di pindahkan ke Mahkamah Tinggi semula memandangkan terdapat perkembangan terbaru yang di terima daripada Jabatan Peguam Negara."

"Lebih mengejutkan, suspek pernah mengeluarkan kenyataan kepada pengetua sekolah yang dia mengaku melakukan perbuatan tersebut dan ia dipercayai berlaku sejak 2016.



FAIZAL Rahman ditemui pemberita di Kuala Selangor, Selangor. - UTUSAN / M. FIRDAUS M. JOHARI


"Siasatan yang saya lakukan sendiri mendapati hampir 40 orang termasuk 12 rakan mangsa dalam pasukan hoki itu mengaku pernah menerima nasib sama sepertinya. Jadi, mengapa siasatan polis masih tiada perkembangan sedangkan bukti gambar dan pengakuan sudah ada," jelasnya.

Katanya lagi, saman sivil kes berkenaan berada pada peringkat akhir pengurusan kes pada 31 Januari ini dan akan memohon untuk membawanya ke kembali ke Mahkamah Tinggi.

"Selain itu, saya juga akan menghantar surat kepada Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain bagi mengadu tindakan pegawai penyiasat yang masih belum menyelesaikan siasatan," ujarnya.

Sementara itu, Ketua Polis Daerah Sabak Bernam, Superintendan Agus Salim bin Mohd Alias ketika dihubungi memaklumkan, siasatan terhadap kes tersebut sudah lengkap dan sudah pun dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR).

"Laporan siasatan sudah lengkap dan dirujuk kepada TPR, namun belum ada arahan pertuduhan dibuat dan TPR meminta polis mengambil beberapa tindakan sebelum merujuk semula kepada mereka," katanya. - UTUSAN



Taska belum daftar digesa daftar dengan JKM

© 2024-01-10T15:51:32+08:00

Ya bagi memastikan keselamatan anak-anak terjamin selain memudahkan JKM menjalankan pemantauan



Rosey beramah mesra bersama kanak-kanak di Taska Bimbingan Cahaya Cawangan Swee Joo Park hari ini.

KUCHING: Semua taska yang belum berdaftar di Sarawak digesa melakukan pendaftaran dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti (KPWKK) Datuk Rosey Yunus berkata, ia bagi memastikan keselamatan anak-anak terjamin selain memudahkan JKM menjalankan pemantauan.

Setakat ini katanya, sebanyak 39 pusat penjagaan kanak-kanak di bandar raya ini masih belum berdaftar dengan JKM Sarawak termasuk 32 daripadanya sedang dalam proses permohonan.

"Kita di KPWKK amat menitikberatkan keselamatan kanak-kanak dan mana-mana taska yang belum berdaftar perlu mengambil langkah segera agar nasib kanak-kanak ini terbelah.

"Jangan ambil mudah tentang pendaftaran taska ini kerana kanak-kanak merupakan aset masa depan negara.

"Kita tidak mahu taska yang tidak berdaftar, kita mahu kurikulum dan persekitaran yang sesuai untuk kanak-kanak.

"Kita tidak mahu taska yang tidak berdaftar, kita mahu kurikulum dan persekitaran yang sesuai untuk kanak-kanak.

"Pendaftaran taska adalah demi keselamatan mereka di dalam taska tersebut," katanya selepas mengadakan lawatan ke Taska Bimbingan Cahaya Cawangan Swee Joo Park di Kuching, hari ini.

Menurut Rosey, taska yang berdaftar bukan sekadar dijamin mempunyai sistem operasi yang selamat dalam penjagaan anak-anak tetapi juga diperuntukkan dana khas daripada kerajaan.

"Taska ini (berdaftar) boleh menikmati geran tahunan khas daripada kerajaan sebanyak RM5,000 bagi menampung kos operasi taska mereka," katanya.

Bagi taska yang masih belum berdaftar, beliau berkata, notis amaran akan dikeluarkan kepada pengusaha terbabit.

"Justeru, kita mahu pengusaha taska termasuk pusat jagaan kanak-kanak di negeri ini untuk berdaftar meskipun terpaksa melalui proses kerehah birokrasi," katanya.

Beliau dalam pada itu turut meminta ibu bapa supaya menghantar anak-anak mereka ke taska dan pusat penjagaan kanak-kanak yang berdaftar.


"Hal ini kerana taska yang berdaftar adalah terjamin dari segi pengasuh yang terlatih dan persekitaran yang selamat kerana telah menjalani proses pemeriksaan yang teliti sebelum diluluskan operasinya.

"Seperti yang telah dilaksanakan di Taska Bimbingan Cahaya ini, kehadiran kanak-kanak dicatat serta diselitikan dengan bukti gambar sebelum diserahkan kepada ibu bapa.

"Kemudian, kanak-kanak ini menjalani proses pemeriksaan kesihatan seperti suhu badan dan keadaan fizikal mereka bagi memastikan tiada tanda-tanda kecederaan.

"Selepas kanak-kanak tersebut disahkan dalam keadaan yang sihat, mereka seterusnya boleh menjalani aktiviti-aktiviti bersama rakan-rakan yang lain," jelasnya yang kagum dengan cara Taska Bimbingan Cahaya itu menjalankan kurikulum dan persekitaran pembelajaran.


Tambahnya, prosedur seumpama itu penting bagi mengelakkan anak-anak asuhan daripada mengalami tragedi yang tidak diinginkan dan ia perlu dilaksanakan setiap hari.



Kota Tinggi masih menjadi daerah paling teruk terjejas

Di mana setakat jam ini, berdasarkan portal info banjir di Jabatan Kebajikan Masyarakat, JKM, bilangan mangsa banjir di negeri Johor ialah 8 ribu 218 orang ditempatkan di 53 Pusat Pemindahan Sementara, PPS melibatkan 2 ribu 265 keluarga.

Januari 10, 2024 12:54 MYT



mk BERITA

Ayias Alhadji | malaysiakini

Wanita MCA bimbang jenayah seksual terhadap kanak-kanak meningkat

Diterbitkan: Jan 10, 2024 9:26 PM · Dikemaskini: 9:26 PM

Pengerusi Wanita MCA Wong You Fong (gambar judul) berkata pihaknya amat bimbang dengan statistik terkini yang menunjukkan jenayah seksual terhadap kanak-kanak menunjukkan trend yang semakin meningkat saban tahun.

Wong berkata lebih membimbangkan bahawa 80 peratus daripada kes itu dilakukan oleh pelaku yang dikenali oleh mangsa.

"Wanita MCA menyeru semua rakyat di seluruh Malaysia untuk melakukan segala usaha untuk menamatkan jenayah kejam ini dan membantu antara satu sama lain untuk mewujudkan persekitaran yang selamat untuk anak-anak kita.

"Kami menggesa orang ramai supaya lebih berwaspada untuk menggagalkan kejadian yang sama melalui kekuatan bersama masyarakat, tolong-menolong dan bersama-sama menjaga kanak-kanak bawah umur, supaya kejadian keji sedemikian dapat dikurangkan.

"Sayang Wanita MCA juga meminta ibu bapa memberi lebih perhatian kepada orang di sekeliling anak mereka selain mengajar anak mereka tentang langkah asas untuk berjaga-jaga pada seawal usia yang mungkin, seperti sentuhan badan yang tidak boleh diterima," katanya.

Wong juga berkata ibu bapa perlu mempunyai komunikasi dua hala yang terbuka dengan anak-anak mereka supaya mereka berasa selamat untuk menceritakan secara bebas kepada mereka tanpa menghadapi sebarang kesulitan mengenai sebarang pengalaman atau kejadian sentuhan yang tidak selesa daripada orang lain.

Wanita MCA mengulas kenyataan bersama yang dikeluarkan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-undang dan Pembaharuan Institusi) Azalina Othman Said dan Menteri Pendidikan Fadhlina Sidek bahawa terdapat 1,570 kes penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan tahun lepas, 110 daripadanya melibatkan kanak-kanak di bawah umur 6 tahun.

Kenyataan itu juga mendedahkan dari 2017 hingga tahun lepas, terdapat 6,990 mangsa penderaan seksual kanak-kanak dilaporkan di Malaysia, yang kebanyakannya berumur antara 13 dan 15 tahun.



Muhammad Faizal | malaysiakini


"Data ini mungkin baru sebahagian kecil daripada yang sebenarnya kerana banyak kes tidak dilaporkan.

"Ini memandangkan laporan polis mendedahkan bahawa 80 peratus daripada kes ini dilakukan oleh orang yang dikenali mangsa, keadaan ini menjadi lebih kompleks dalam siasatan oleh polis," kata Wong.

Sementara itu, Wanita MCA memuji langkah proaktif kerajaan, termasuk mengeluarkan garis panduan Kementerian Pendidikan berhubung pelaporan salah laku seksual, serta meningkatkan kesedaran undang-undang dalam kalangan pelajar dan guru.



Hartini Zainuddin



Suami isteri cemas bayi terkunci dalam rumah

© 2024-01-10T11:31:44+08:00



TERKUNCI: Pasukan bomba semasa menjalankan operasi membuka pintu terkunci.

LABUAN: Sepasang suami isteri cemas selepas bayi lelaki mereka dilaporkan terkunci di dalam rumah mereka di Taman Perumahan Mutiara, Kampung Sungai Bedaun, di sini.

Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBPM) Labuan dalam satu kenyataan berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan berkenaan kejadian pada jam 2.11 petang.

Katanya, sepasukan pegawai dan anggota segera digerakkan ke lokasi kejadian bersama jentera.

"Sebaik tiba di lokasi, pasukan operasi bertindak membuka pintu menggunakan peralatan khas.

"Dalam tempoh tiga minit, pasukan penyelamat bomba berjaya membawa keluar bayi terbabit dan diserahkan kepada ibu bapanya," katanya.

Menurutnya, bayi lelaki berumur lima bulan itu dilaporkan selamat dan tidak mengalami sebarang kecederaan.

Tambahnya, operasi ditamatkan pada jam 2.32 petang.

👤 oleh Vivi Olivia Najurus

📂 [Kategori Sabah](#)



Cabul anak saudara, lelaki ditahan polis

Oleh Abdul Rahemang Taiming - Januari 10, 2024 @ 2:55pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

TAWAU: Seorang lelaki ditahan di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Sri Bombalai Laut, Sungai Imam, di sini, selepas disyaki mencabul kehormatan anak saudara perempuannya berumur 20 tahun, kelmarin.

Ketua Polis Daerah Tawau, Asisten Komisioner Jasmin Hussin, berkata kejadian berlaku jam 11.04 malam di kuarters sebuah ladang kelapa sawit ketika suspek berusia 57 tahun didakwa memasuki bilik tidur mangsa yang ketika itu tidak berkunci.


Menurutnya, suspek dikatakan memberi amaran supaya mangsa tidak bersuara.

"Mangsa yang tidak selesa kemudiannya terjaga lalu menjerit ketakutan menyebabkan suspek melarikan diri.

"Laporan polis telah dibuat mangsa pada jam 4.08 petang semalam," katanya ketika dihubungi hari ini.

Jasmin berkata, bertindak atas laporan itu, sepasukan pegawai dari Bahagian Siasatan Jenayah (BSJ) Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau bersama anggota polis dari Balai Polis Bombalai telah mengesan dan menahan suspek kurang 24 jam.

"Suspek dibawa ke Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Tawau untuk siasatan lanjut mengikut mengikut Seksyen 354 Kanun Keseksaan kerana melakukan kekerasan jenayah dengan niat mencabul kehormatan," katanya.



Pemandu bas cabul 2 beradik dihantar penjara, gagal bayar ikat jamin

Alias Abd Rani
am@hmetro.com.my



PEMANDU bas Muhammad Khairuddin dihantar ke penjara selepas gagal bayar ikat jamin kerana dituduh merogol dua beradik. FOTO Alias Abd Ran

Muar: Pemandu bas ekspres sekali lagi 'disumbat' dalam penjara apabila gagal membayar ikat jamin RM10,000 terhadap dua pertuduhan mencabul dua beradik lelaki, bulan lalu.

Tertuduh Muhammad Khairuddin Kassim, 38, yang didakwa di Mahkamah Sesyen, di sini, hari ini, menukar pengakuan kepada tidak bersalah sebaik kedua-dua pertuduhan dibaca semula di hadapan Hakim Abu Bakar Manat.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Mengikut pertuduhan pertama, tertuduh didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap remaja lelaki berusia 16 tahun di tempat duduk dalam bas ekspres yang dalam perjalanan ke Kuala Lumpur, antara 11 pagi hingga 1 tengah hari pada 17 Disember lalu.

Bagi pertuduhan kedua, dia turut didakwa melakukan perkara sama terhadap kanak-kanak lelaki berusia 10 tahun yang juga adik mangsa pertama, di tempat rehat pemandu di belakang bas dengan kejadian berlaku pada tarikh dan masa sama.

Berikutan itu, tertuduh boleh dikenakan penjara 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan.

Pendakwaan diketuai Timbalan Pendakwa Raya Danial Munir, manakala tertuduh diwakili peguam Muhd Imran Mohd Farok.

Dengan pengakuan tidak bersalah dibuat tertuduh, mahkamah menetapkan 15 Februari ini untuk serahan dokumen.

Terdahulu, pada 21 Disember lalu, Hakim Irwan Suanbon menetapkan ikat jamin sebanyak RM10,000 terhadap tertuduh selepas dia mengaku bersalah mencabul kehormatan dua beradik terbabit.



Penghantar makanan mengaku tidak bersalah cabul remaja dalam kereta

🕒 10 Januari 2024, 2:56pm



FOTO: NSTP

MUAR: Seorang penghantar makanan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas tiga pertuduhan mencabul kehormatan remaja perempuan bawah umur dalam sebuah kereta, awal bulan ini.

Mengikut ketiga-tiga pertuduhan, Muhammad Firdhaouz Irsyad Muhammad Faisal, 25, didakwa melakukan amang seksual fizikal terhadap mangsa yang berusia 14 tahun dalam kereta di sekitar Jalan Abdul Rahman menuju ke Parit Jawa di sini, antara 2 hingga 4 pagi, 4 Januari lalu.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 14 (a), 14 (b) dan 14 (d) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 14 akta sama.

Ketiga-tiga seksyen terbabit memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan juga sebatan bagi setiap pertuduhan, jika sabit kesalahan.

Terdahulu, pihak pendakwaan mohon mahkamah supaya tidak membenarkan ikat jamin terhadap tertuduh memandangkan kesalahan itu amat serius kerana membabitkan mangsa bawah umur.

"Jika mahkamah mahu menggunakan budi bicara, pihak pendakwaan mencadangkan supaya tertuduh dibenarkan ikat jamin sebanyak RM20,000 terhadap kesemua pertuduhan," hujahnya.

Namun, permohonan itu dibantah pihak pembelaan sebaliknya memohon mahkamah memberi kebenaran kepada anak guamnya dengan ikat jamin paling rendah.

Selepas mendengar hujahan kedua-dua belah pihak, mahkamah memutuskan tertuduh diikat jamin sebanyak RM8,000 dengan seorang penjamin.

Pada masa sama, mahkamah juga menetapkan dua syarat iaitu tertuduh perlu melapor diri di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Muar setiap awal bulan selain tidak boleh mengganggu atau berkomunikasi dengan tertuduh atau keluarganya.

Berikutan pengakuan tidak bersalah tertuduh, mahkamah menetapkan 15 Februari ini untuk sebutan semula kes serta serahan dokumen daripada pihak pendakwaan.



Pengawal keselamatan cabul, rogol dua anak tiri sejak di sekolah rendah

10 Januari 2024, 4:22pm



Suspek pengawal keselamatan direman enam hari hingga 16 Januari ini bagi membantu siasatan kerana disyaki merogol dan mencabul dua anak tirinya. Foto: NSTP

MELAKA: Perbuatan 'haruan makan anak' seorang pengawal keselamatan yang merogol dua anak tirinya terbongkar apabila dia dicekup polis, malam tadi.

Suspek, 27, ditahan polis di pondok kawalan tempat dia bekerja di Bukit Baru, di sini, kira-kira jam 11 malam tadi susulan laporan dibuat isterinya, 39, di Balai Polis Batang Tiga.

Timbalan Ketua Polis Melaka, Senior Asisten Komisioner Md Nazri Zawawi berkata pengadu yang juga perniaga burger membuat laporan selepas dimaklumkan dua anak perempuannya mengenai kejadian itu.

Menurutnya, kedua-dua mangsa berusia 15 dan 13 tahun itu nekad menceritakan detik hitam diraba dan dirogol kepada ibu mereka ketika berada di rumah pada jam 7.30 malam tadi, namun dinafikan suspek selepas disoal pengadu.

Katanya, hasil siasatan awal, kedua-dua mangsa mendakwa kejadian berlaku semasa ketiadaan pengadu di rumah kerana keluar berniaga antara jam 5.30 petang hingga 10.30 malam, bermula sejak mereka bersekolah rendah lagi.

"Si kakak mendakwa dirogol oleh bapa tirinya sebanyak empat kali iaitu sejak di Tahun 4, manakala adiknya dirogol pertama kali pada 2 Januari lalu di bilik tidur suspek. Selain itu mereka memberitahu sering dicabul oleh suspek sejak di sekolah rendah lagi," katanya dalam kenyataan di sini, hari ini.


Menurut Md Nazri, siasatan mendapati pengadu dan suspek berkahwin sejak tujuh tahun lalu dan mempunyai seorang anak lelaki berusia tiga tahun.

Md Nazri berkata, kedua-dua mangsa pada mulanya tidak memberitahu kejadian itu kepada sesiapa kerana takut ibu mereka tidak mempercayai perbuatan suspek.

Namun, mereka akhirnya terpaksa menceritakan hal sebenar selepas disoal oleh nenek mereka.

Suspek ditahan reman enam hari bermula hari ini.

Kes disiasat mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan.



Remaja mengaku rogol kekasih berusia 12 tahun ketahui nasib pada 8 Februari

© 2024-01-10T14:25:08+08:00



KUCHING: Seorang remaja lelaki mengaku bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan merogol kekasihnya yang berusia 12 tahun.

Tertuduh berusia 19 tahun membuat pengakuan itu selepas pertuduhan di bawah Seksyen 376(1) Kanun Keseksaan dibacakan terhadapnya di hadapan Hakim Afidah Abdul Rahman.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga 20 tahun dan boleh dikenakan sebatan, jika sabit kesalahan.

Mengikut pertuduhan, remaja itu didakwa melakukan kesalahan tersebut sekitar jam 2.30 pagi di sebuah flat di Jalan Matang di sini pada 10 Disember 2023.

Difahamkan, mangsa memaklumkan kepada neneknya (pengadu) bahawa dia telah melakukan hubungan seksual dengan teman lelakinya (tertuduh) pada tarikh tersebut.

Pengadu kemudiannya membuat laporan polis untuk tindakan selanjutnya.

Dalam pada itu, sejourus pengakuan bersalah tertuduh direkodkan, mahkamah menetapkan 8 Februari 2023 sebagai tarikh sebatan semula kes untuk jatuh hukum sementara menunggu laporan sosial daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat.

Tiada sebarang jaminan ditawarkan kepada tertuduh.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Iezzah Iburdanisha Ibrahim manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

👤 oleh Hafizah Abdul Hamid

[Kategori Mahkamah](#)



Buruh rogol anak tiri dipenjara, sebat



TERTUDUH (tengah) semasa diiring polis semasa menghadiri prosiding di Mahkamah Sesyen Kota Bharu, Kelantan hari ini-UTUSAN/ROSMIZAN RESDI.

Oleh ROSMIZAN RESDI 10 Januari 2024, 8:15 am

KOTA BHARU: Seorang buruh dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan 10 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini semalam selepas mengaku bersalah atas pertuduhan merogol anak tirinya yang berusia 13 tahun kira-kira tujuh bulan lalu.

Lelaki berusia 32 tahun itu dijatuhi hukuman tersebut selepas membuat pengakuan di hadapan Hakim Nooriah Osman.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa merogol anak tirinya yang berusia 13 tahun tujuh bulan ketika kejadian, selepas lelaki tersebut tidak boleh berkahwin dengan mangsa mengikut hukum agama Islam.

Perbuatan itu dilakukan di sebuah rumah di Pasir Puteh dekat sini kira-kira pukul 6 petang pada awal Jun tahun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara sehingga sehingga 30 tahun dan tidak kurang 10 sebatan jika sabit kesalahan.

Pendakwa dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Faiz Fitri Mohamad manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Nooriah sebelum menjatuhkan hukuman menegaskan kesalahan yang dilakukan tertuduh bukan sahaja salah di sisi undang-undang dan agama Islam, namun ia adalah satu perbuatan keji.

"Saya berharap hukuman ini memberi pengajaran kepada kamu selain insaf dan tidak akan mengulangi perbuatan itu. Saya juga harap kamu kembali menjadi orang yang lebih baik kepada diri sendiri, masyarakat dan negara," katanya.

Mahkamah kemudiannya menetapkan hukuman penjara selama 10 tahun bermula daripada tertuduh ditangkap pada 29 Jun 2023 dan 10 sebatan.

Mengikut fakta kes, nenek mangsa terkejut selepas cucunya mengatakan bahawa dia dirogol oleh bapa tiri pada awal Jun tahun lalu.

Warga emas itu kemudiannya terus membuat laporan polis mengenai kejadian yang menimpa cucunya.

Berdasarkan keterangan mangsa, ayah tirinya datang dan menarik remaja itu ke ruang tamu sebelum merogolnya semasa berada seorang diri di ruang tamu di sebuah rumah.

Mangsa tidak sempat melarikan diri dan bapa tirinya meminta mangsa agar tidak memaklumkan kejadian itu kepada sesiapa.